

24 APR 1998

Komanwel-Konsortium

SUKOM LANTIK KONSORTIUM SEBAGAI PEMBEKAL RASMI

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Sukom Ninety Eight Berhad hari ini melantik Konsortium Perkapalan Berhad (KPB) sebagai pembekal rasmi perkhidmatan logistiknya untuk Sukan Komanwel ke-16 di sini September ini.

Perjanjian bernilai RM1 juta itu ditandatangani oleh Ketua Pegawai Operasi Sukom, Datuk Seri Manap Ibrahim dan Pengerusi Eksekutif KPB, Mirzan Mahathir di sini hari ini.

Mirzan berkata perkhidmatan yang akan disediakan oleh KPB termasuk pengurusan gudang dan penyimpanan barang, pengurusan udara, pengurusan perjalanan penumpang udara, urusan pengangkutan dan kargo udara.

Beliau berkata komitmen konsortium ialah untuk mengadakan kemudahan logistik setempat semasa temasya sukan itu dan juga mengurangkan kos logistik Sukom.

"Membawa dan menyimpan barangan adalah penting dalam menjamin kejayaan sukan ini. Kami sedar tanggungjawab berat ini...kami sudah bersedia memikul dan melaksanakannya," kata beliau kepada pemberita selepas menandatangani perjanjian itu.

Pengerusi Eksekutif Sukom, Jen (B) Tan Sri Hashim Ali berkata menyewa gudang memang mudah, tetapi menguruskannya adalah sukar dan kepakaran serta pengalaman KPB dalam bidang ini diharap dapat membantu Sukom menganjurkan temasya ini dengan lancar dan tersusun.

Selain usahasama dengan KPB, Hashim berkata Sukom akan meluaskan lagi usaha mendapatkan penaja untuk menambahkan tabung temasya dan beliau yakin dapat mencapai matlamat pungutan RM310 juta.

"Kita telah berjaya mendapatkan 90 peratus daripada jumlah itu. Saya yakin hingga bulan September, kita dapat mengumpul jumlah yang diharapkan," kata beliau.

Hashim berkata beberapa rancangan untuk menamabahkan tabung itu telah disusun, termasuk menjual cenderamata dan kad diskaun bernilai RM5 tiap satu, serta duit syiling emas dan perak bernilai RM1 juta.

--BERNAMA

AE ZB